

Maghribi jadikan Malaysia pintu masuk ke negara Asia, ASEAN

UM 14 NOV 2001

PUTRAJAYA 13 Nov. — Maghribi hari ini bersetuju menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ke negara-negara Asia dan ASEAN dalam usaha mewujudkan kerjasama serantau yang lebih erat dan kukuh.

Persetujuan itu dicapai pada pertemuan antara Perdana Menteri, Abderrahmane El Youssoufi dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berlangsung selama tiga jam di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Maghribi turut meminta Malaysia menjadikan negara itu sebagai pintu masuk ke Eropah.

Katanya, lawatan yang julung-julung kali diadakan itu adalah atas jemputan Dr. Mahathir sendiri dan telah berjaya merapatkan hubungan antara Malaysia dan Maghribi.

Kedua-dua pemimpin, katanya, bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi dan perdagangan terutamanya menerusi lawatan pemimpin peringkat tertinggi.

“Oleh itu Abderrahmane telah menjemput Dr. Mahathir untuk membuat lawatan balas ke Maghribi tahun depan dan Perdana Menteri bersetuju berbuat demikian,” katanya di sini, hari ini.

Abderrahmane bersama 36 anggota delegasinya tiba di sini semalam sempena lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Menurut Syed Hamid, perbincangan kedua-dua pemimpin tertumpu kepada soal perdagangan dan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat (IT), pelaburan, penerbangan dan pelancongan.

Katanya, satu suruhanjaya bersama antara Maghribi dan Malaysia turut ditubuhkan menerusi satu memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani hari ini.

Sebanyak dua lagi MoU masing-masing menyentuh bidang penerbangan dan IT

turut ditandatangani antara lain membatik Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Moroccan Information Technopark Corporation.

Syed Hamid berkata, dalam bidang pelaburan dan perdagangan, Dr. Mahathir dan Abderrahmane bersetuju agar kedua-dua negara mempertingkatkan perdagangan dua hala yang kini masih kecil iaitu sebanyak RM86 juta setahun.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri Maghribi turut meminta Petronas yang disifatkan sebagai syarikat petroleum yang berjaya memainkan peranan lebih aktif di negara itu.

Buat masa ini, katanya, Petronas mempunyai saham dalam syarikat Energy Africa dan berminat untuk mempunyai hubungan langsung dengan industri petroleum di Maghribi.

Tekni kal

Menurut Syed Hamid, Dr. Mahathir juga mahukan Maghribi menghantar lebih banyak penuntut mereka belajar di negara ini terutama dalam bidang teknikal dan teknologi maklumat termasuk di Universiti Multimedia.

Selain itu, katanya, kedua-dua pemimpin turut menyentuh beberapa isu antarabangsa termasuk soal keganasan dan negara Palestin.

“Kedua-dua Perdana Menteri sepakat bahawa isu keganasan hanya akan dapat diselesaikan dengan mengenal pasti puncanya,” kata Syed Hamid.

Turut hadir pada pertemuan itu Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Pengangkutan dan Perdagangan Laut Maghribi, Abdesslam Znined, Pengerusi Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia, Tan Sri Othman Yeop Abdullah dan Pengerusi Majlis Penyelidikan, Moroccan Information Technopark Corporation (MITC), Nasr Hajji.